

5KM SEJAM SESAK

Taman perumahan bertambah, laluan keluar baharu tak dibuka undang pening kepada penduduk Saujana Utama



Oleh Rosyahaida Abdullah
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jaraknya hanya sekitar lima kilometer namun memakan masa hampir sejam untuk melepasi gara-gara kesesakan trafik teruk pada waktu puncak. Situasi terbahit dilalui hampir setiap hari oleh penduduk Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor ketika mengahala keluar ke jalan utama di Jalan SP54 untuk ke tempat kerja pada awal pagi. Keadaan lebih teruk apabila penduduk perumahan

Elmina Green yang mula berpindah masuk ke kediaman baru mereka turut sama menggunakan laluan terbabit disebabkan Persiaran Shorea yang disediakan pihak pemaju sebagai akses keluar ke pusat bandar tidak dapat dibuka. Pengerusi Majlis Permafakatan Penduduk (MPP) Saujana Utama, Mohd Fakaruddin Ismail (*gambar*) berkata, beliau sedia maklum keengganan pihak pemaju untuk membuka laluan terbabit disebabkan kewujudan ratusan lembu dan kerbau yang berkeliaran di jalan berkenaan menjadikannya tidak selamat untuk digunakan.

Namun, beliau memohon campur tangan pihak berkuasa tempatan (PBT) menyelesaikan isu itu memandangkan jalan yang sesak teruk itu juga sudah hampir 20 tahun kekal satu lorong untuk setiap hala.

Turut mewakili 37 peratusan penduduk di Saujana Utama dengan anggaran lebih 60,000 penduduk, beliau memohon kesepakatan PBT dan pemaju dalam menyelesaikan isu yang sudah terlalu lama membelenggu mereka.

"Persiaran Shorea sepatutnya dibuka serentak waktu penerimaan kunci oleh penduduk Elmina Green, Oktober tahun lalu namun ia ditutup semula dipercayai membabitkan isu keselamatan kerana masalah lembu dan kerbau berkenaan.

"Sebelum ini, jalan itu cuma dihadang dengan pembahagi jalan sementara namun sekarang ia ditutup terus dengan pagar besi

menyebabkan motosikal juga tidak boleh lalu.

"Saya pernah lalu jalan itu (Persiaran Shorea) dengan motosikal ketika ia dibuka sekejap dulu dan ia cukup cantik, ada dua lorong untuk setiap hala dan lengkap dengan lampu jalan," katanya kepada Harian Metro.

Jelas Mohd Fakaruddin, ba-

gi penduduk, kalaupun tidak boleh dibuka sepanjang masa, sekurang-kurangnya perlu dipertimbangkan untuk penduduk guna laluan terbabit pada waktu puncak bagi mengurangkan kesesakan ke Jalan SP54.

"Jika nak tunggu titik penyelesaian, bila pun kita tak pasti sedangkan perbincangan dengan pihak pemaju serta PBT sudah diadakan berkali-kali.

"Saya difahamkan sebelum ini, kos pelebaran jalan di laluan menghala ke Jalan SP54 dianggarkan RM12 juta jadi kami sedia maklum isu keengganan dana yang dihadapi, sebab itu kami mohon kerjasama untuk buka Persiaran Shorea secepat mungkin.

"Jika ia dibuka, saya yakin sekurang-kurangnya 40 peratus penduduk yang gunakan laluan ke Jalan SP54 akan beralih ke Persiaran Shorea untuk ke tempat kerja.

"Saya sendiri sudah berbilang dengan Persatuan Penduduk Elmina Green dua minggu lalu dan mereka juga

bersetuju dengan cadangan ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, hasil perbincangan terkini bersama pihak berkaitan membawa kepada tindakan merampas lembu dan kerbau terbabit dalam masa terdekat.



"Sebelum ini kita sudah pun menawarkan kepada pemilik lembu dan kerbau terbabit satu lokasi di Banting bagi menempatkan ternakan mereka tetapi namanya mereka menolak, mereka sudah berpuhlah tahun di situ.

"Mereka juga menggunakan hutan di sebelah Persiaran Shorea itu sebagai ladang ternakan yang mana ia salah jadi Jabatan Hutan juga akan ambil tindakan mengikut lunas undang-undang yang sepatutnya.

"Kita berharap dalam tempoh sebulan, Persiaran Shorea akan dapat dibuka dan memberikan jalan keluar alternatif kepada penduduk Saujana Utama dan Elmina Green," katanya.

Riyadhul Jannah aplikasi sebar aktiviti masjid, surau

Putrajaya: Memudahkan umat Islam untuk mendapat maklumat berhubung lokasi majlis ilmu dan dalam masa sama membantu masjid dan surau untuk mengimarahkan tempat ibadah masing-masing. Itu antara manfaat aplikasi Riyadhul Jannah yang boleh dimuat turun menerusi Google Play pada telefon pintar Android dan sehingga kini mendapat penyertaan kira-kira 200 masjid di seluruh negara. Pengasasnya, Muhammad Faris Abdul Rahman

berkata, aplikasi berkenaan bukan saja boleh dimuat turun secara percuma oleh pengguna, malah pihak masjid atau tidak dikenakan sebarang bayaran. "Menerusi aplikasi ini, ia mengandungi carian kuliah dan carian masjid berdekatan, waktu solat serta sumbangan dan sedekah untuk masjid pilihan pengguna. Mereka juga boleh menetapkan masjid kegemarannya pada aplikasi berkenaan bagi mengikuti majlis ilmu dianjurkan di situ. "Dengan penetapan ini,

sebarang aktiviti majlis ilmu yang diadakan akan diingatkan kepada pengguna kira-kira satu jam sebelum ia berlangsung" katanya ketika ditemui di Majlis Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini. Beliau berkata, tidak hanya menumpukan kepada majlis ilmu, aktiviti lain termasuk kematian di sesuatu kariah juga boleh dimaklumkan menerusi aplikasi berkenaan. "Sejak ia dilancarkan, kita mendapat sambutan menggalakkan," katanya.

Saji

Terima Kasih Malaysia kerana menjadikan kami pilihan no.1 anda

FGV

*Sebanyak 21,074,010 di seluruh Malaysia memilih minyak masak Saji (berdasarkan 2016 - Disember 2019) Bilangan tertinggi antara jenama minyak masak. Sumber: Kantar Malaysia